

# Ku Li nafi berita akhbar Jepun

BH - 3 MAR 2000

KOTA BHARU, Khamis – Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, menafikan laporan sebuah akhbar harian berbahasa Jepun yang mendakwa beliau akan membebaskan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, jika dilantik menjadi Perdana Menteri.

“Tak adalah, saya tak pernah cakap apa pun dan hanya orang gila akan buat kenyataan macam tu. Apa kena mengena Anwar dengan saya... saya tak pernah sebut langsung pasal dia, kenapa nak kaitkan saya,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan jawatankuasa Pemuda Umno negeri di Bangunan Umno di sini, petang ini.

Tengku Razaleigh mengulas laporan sebuah akhbar harian Jepun hari ini yang menyiarkan artikel mengenai Umno dan antara lain menyentuh kesediaannya membebaskan Anwar dari penjara jika beliau menjadi Perdana Menteri.

Tengku Razaleigh berkata, beliau tidak tahu apa sebab orang mahu mengaitkan perkara itu dengannya.